

16 JAN 2000

Taib-UMNO

HASRAT ABU BAKAR BERTENTANGAN DENGAN DASAR BN DAN UMNO, KATA TAIB

KUCHING, 15 Jan (Bernama) -- Hasrat bekas Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha untuk membawa masuk UMNO ke Sarawak adalah bertentangan dengan dasar Barisan Nasional (BN) dan UMNO, kata Pengerusi BN Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini.

Taib yang juga Ketua Menteri berkata, Perdana Menteri dan Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah beberapa kali menyifatkan Parti Pesaka Bumiputera (PBB) yang merupakan nadi BN di Sarawak sama seperti UMNO di Sarawak.

"Semua kerusi dimenangi oleh komponen BN dan tidak ada keperluan untuk mengadakan satu lagi komponen BN, itu peraturan asas dan jika Abang Abu Bakar mahu menukar peraturan itu beliau tidak layak untuk bersama BN," katanya kepada pemberita di rumah terbuka Hari Raya Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi.

Semalam, Abang Abu Bakar yang merupakan bekas timbalan presiden PBB menyatakan kesediaannya untuk bergiat semula dalam politik sehingga ke tahap membawa masuk UMNO ke Sarawak jika rakyat mahukan beliau berbuat demikian.

Abang Abu Bakar, yang tempatnya sebagai ahli parlimen Kuala Rajang diambilalih oleh Effendi pada pilihanraya umum lepas, berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita mengenai desas-desus bahawa sekumpulan orang telah mencalonkan beliau sebagai pengerusi jawatankuasa perhubungan UMNO Sarawak.

Mengulas lanjut, Taib berkata pengguguran Abang Abu Bakar adalah atas permintaan pengundi-pengundi di kawasannya sendiri kerana beliau tidak memberikan perkhidmatan yang baik kepada mereka.

Taib berkata, ketidakpuasan terhadap Abang Abu Bakar bermula sejak 1986 dan beliau (Taib) sendiri memberi nasihat agar dia tidak dicabar selain memberi jaminan kepada orang ramai bahawa beliau (Taib) akan bertanggungjawab jika Abang Abu gagal menjalankan tugasnya.

Kata Presiden PBB itu, hasrat Abang Abu itu tidak akan menyebabkan perpecahan dalam PBB kerana pengaruh dan sokongan Abang Abu Bakar telah menurun berdasarkan jumlah undi yang diterimanya pada pertandingan merebut jawatan timbalan presiden PBB pada 1998.

Pada konvensyen PBB Ogos lepas, Abang Abu Bakar yang merupakan penyandang tewas kepada Menteri Pembangunan Industri Negeri, Datuk Abang Johari Tun Openg dan hanya mampu menerima 27 undi.

Taib juga berkata, Abang Abu Bakar mencapai kedudukan tertinggi dalam parti atas sokongannya (Taib) tetapi Abang Abu Bakar gagal memahami tanggungjawabnya untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada parti dan rakyat.

-- BERNAMA

RDY AR